

14 JAN 1999

Mahathir-Nik Aziz

LAWATAN PERDANA MENTERI LICINKAN SISTEM DEMOKRASI, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 14 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat petang ini mengadakan pertemuan "empat mata" di sini.

Pertemuan kira-kira 10 minit itu berlangsung di bilik orang kenamaan, Kota Darul Naim di sini, selepas Perdana Menteri selesai mendengar satu taklimat mengenai banjir sempena lawatan seharusnya ke negeri ini.

Ketika ditemui pemberita, Nik Aziz enggan mengulas lanjut mengenai pertemuan itu.

Bagaimanapun Nik Aziz berkata lawatan Perdana Menteri ke Kelantan pada hari ini akan melicinkan lagi kedudukan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini selama ini.

"Dari segi pengamal demokrasi memang kita nak sangat lawatan seperti ini. Bagi sebuah negeri yang dipimpin oleh parti pembangkang, tiba-tiba dilawati oleh ketua kerajaan yang mempunyai kuasa yang banyak, ini adalah satu penghormatan besar yang perlu dirakamkan," katanya.

Nik Aziz juga berkata lawatan Dr Mahathir pada kali ini boleh membawa banyak kebaikan kepada rakyat Kelantan.

"Bercakap dalam bulan Ramadan ini maknanya seperti hadiah raya kepada rakyat Kelantan dan Malaysia," katanya sambil mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana lawatannya itu.

--BERNAMA

BD MAI